

MALAYSIA

SURAT AKUAN

Saya Nombor *K/P/Pasport yang beralamat di dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

(1) saya adalah warganegara

(2) saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang dari satu ribu ringgit atau penjara tidak kurang dari setahun atau kedua-duanya sekali;

(3) tidak pernah dibuat atau berkuatkuasa terhadap saya

- i. suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi; dan
- ii. dikenakan terhadap saya apa-apa bentuk sekatan, atau pengawasan, sama ada dengan bon atau sebaliknya,

di bawah mana-mana yang berhubungan undang-undang keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen;

(4) saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan

- i. berkaitan penubuhan atau pengurusan amanah;
- ii. yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran atau pecah amanah;
- iii. tidak pernah dipenjarakan kerana mana-mana kesalahan

tersebut dalam tempoh lima tahun sebelum tarikh Surat Akuan ini;

(5) bahawa saya bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan hutangnya;

(6) saya tidak pernah didapati atau diisyiharkan sebagai seorang yang tidak siuman;

(7) saya telah membaca dan faham sepenuhnya semua suratcara berkaitan dengan pelantikan saya sebagai pemegang amanah dan yang

mengandungi tujuan amanah, terma-terma dan syarat-syarat pelantikan pemegang amanah (selepas ini dirujuk sebagai Suratcara Amanah tersebut);

(8) saya akan mentadbirkan dana dan harta amanah ini dan mematuhi serta menurut terma dan syaratnya seperti yang ditetapkan oleh Suratcara Amanah tersebut atau yang dikehendaki oleh undang-undang, termasuk Akta Pemegang Amanah 1949, dan khususnya Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;

(9) saya dengan rela hati memberi persetujuan dan menerima pelantikan untuk bertindak sebagai pemegang amanah (nama badan atau persatuan orang) termasuk mentadbir dana amanah yang ditubuhkan menurut Suratcara Amanah tersebut;

(10) saya dengan ini mengesahkan bahawa semua pernyataan dan butir-butir dalam permohonan kepada Menteri bagi mendapatkan suatu sijil pendaftaran pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah* adalah benar dan tepat;

(11) saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa keterangan dan maklumat mengenai diri saya yang diberikan kepada (nama badan atau persatuan orang) bagi maksud pelantikan saya sebagai salah seorang daripada pemegang-pemegang amanahnya adalah benar dan tepat dan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 4(2) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat oleh)
.....)
(No. K/P:))
di dalam negeri pada)

di hadapan)

**(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)*

** potong yang mana tidak berkenaan*